

13 OCT 2002

Mahathir-Wetlands

PAYA INDAH WETLANDS BOLEH DIBANGUNKAN LAGI, KATA PERDANA MENTERI

DENGKIL, 13 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan tahap pembangunan kawasan riadah Paya Indah Wetlands yang dibangunkan sejak satu tengah tahun lalu.

Beliau berkata Paya Indah Wetlands kini lebih nyaman dan teratur, sesuai untuk aktiviti riadah bersama keluarga.

"Sekarang ia lebih baik berbanding masa kita mula dulu, dulu tak ada pokok, panas. Tiada pokok hanya belukar. Tetapi sekarang kita tanam banyak pokok, ia lebih teratur dan kawasan air juga nampak cantik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media selepas menyerahkan lima buah tram elektrik (E-Tram) Tenaga Nasional Bhd (TNB) kepada pihak pengurusan taman itu, di sini hari ini.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding, Pengerusi TNB Datuk Jamaludin Jarjis dan Ketua Pegawai Operasi Paya Indah Wetlands, Muralee Menon.

E-Tram itu adalah hasil kajian TNB dan merupakan kenderaan yang tidak mengeluarkan gas beracun serta mesra alam.

Kenderaan yang boleh membawa 30 orang penumpang itu akan digunakan sebagai antara kaedah pengangkutan bagi pengunjung meninjau keindahan taman itu.

Dr Mahathir juga menyaksikan penyerahan sepasang burung Manchuria yang merupakan hadiah dari kerajaan China kepada Malaysia.

Penyerahannya dibuat oleh Duta Besar China ke Malaysia Hu Zheng Yue kepada Law yang mewakili kerajaan Malaysia.

Ketika ditanya sama ada kerajaan berhasrat untuk membangunkan lagi taman itu, Dr Mahathir berkata terdapat banyak cadangan untuk membangunkannya.

"Ada macam-macam cadangan tetapi pihak swasta pun kena bantu membiayainya," katanya.

Menyentuh mengenai cadangan untuk memindahkan Zoo Negara di Hulu Klang ke kawasan Paya Indah Wetlands, Dr Mahathir berkata cadangan itu masih belum diputuskan.

"Kita memang mahukan zoo di sini. Kawasan adalah mencukupi dan keadaannya juga sesuai. Kos sangat tinggi oleh itu kita tidak mampu mempunyai dua buah zoo," katanya.

Kawasan perlindungan Paya Indah Wetlands merupakan kawasan bekas lombong bijih timah seluas 3,100 hektar yang dimajukan sebagai pusat eko-pelancongan dengan infrastruktur yang minimum bagi mengawal keseimbangan eko-sistemnya.

Setakat ini kawasan itu mempunyai 210 spesies burung, 35 spesies mamalia, 19 spesies ikan dan lebih 220 jenis tumbuhan air.

-- BERNAMA

FA RV MOZ